

**Air: Ikhlas Malaysia Serah Memorandum Tuntut Jaminan Kerajaan Selangor  
Bernama  
10 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS MALAYSIA) hari ini menyerahkan memorandum menuntut kerajaan Selangor mengeluarkan surat jaminan untuk bertanggungjawab terhadap kerugian peniaga-peniaga di negeri ini jika berlakunya catuan air.

Presidennya Mohd Ridzuan Abdullah berkata IKHLAS MALAYSIA memberi tempoh tujuh hari kepada kerajaan negeri untuk membalas memorandum itu.

"Kalau tidak balas (memorandum), kita akan bawa peniaga seluruh Selangor membuat demo di hadapan bangunan SUK (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan melakukan protes terhadap Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan setelah menyerahkan memorandum itu kepada Pegawai Bahasa Cina di Pejabat Menteri Besar Teh Yee Keong, selaku wakil kerajaan negeri, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 11.30 pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687243>